



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepc.com



KOSA KATA BAHASA ARAB AL QURAN BERSIFAT KAUNIYAH UNTUK PELAJAR PERINGKAT PERMULAAN; ANALISIS JUZUK 30

KAUNIYAH QURANIC ARABIC VOCABULARY FOR BEGINNER; ANALYSIS FROM JUZUK 30

Nurulasyikin Muda^{1*}, Saifulazry Mokhtar², Wan Hurani Osman^{3*}, Romzi Ationg⁴

¹ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan
Email: syikin@ums.edu.my

² Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

³ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: wanosman@ums.edu.my

⁴ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: mratong@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.05.2021

Revised date: 24.06.2021

Accepted date: 20.07.2021

Published date: 31.07.2021

To cite this document:

Muda, N., Mokhtar, S., Osman, W. H., & Ationg, R. (2021). Kosa Kata Bahasa Arab Al Quran Bersifat Kauniyah Untuk Pelajar Peringkat Permulaan; Analisis Juzuk 30. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6 (41), 92-102.

DOI: 10.35631/IJEPC.641007

Abstrak:

Kajian ini mempunyai objektif untuk menyenaraikan kosa kata kauniyah dari juzuk 30 agar boleh dimanfaatkan oleh penulis buku dan para pembaca terutamanya kanak-kanak dalam mempelajari kosa kata awal yang kebanyakannya berkaitan sains, bersesuaian dengan amalan pemerhatian sekeliling. Berdasarkan buku-buku yang telah dihasilkan, tiada senarai kosa kata lengkap berkaitan dengan kosa kata awalan dalam dunia sains menurut al Quran dihasilkan sehingga kini. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis ayat-ayat al-quran dari juzuk 30 dengan menyenaraikan kosa kata berkaitan dengan kauniyah. Setiap kosa kata yang ditemui akan direkodkan di dalam jadual dan ditulis kekerapan kosa kata tersebut. Ianya akan ditulis menggunakan perkataan Arab dalam bentuk perkataan asal tanpa menitikberatkan kepada imbuhan dan akan merekodkannya sebagai ulangan sekiranya ia didapati berulang sepanjang analisis dijalankan. Setelah itu kiraan akan dibuat dan akan direkodkan dalam jadual yang sama bagi melihat kekerapan kosa kata yang muncul melalui analisis ayat-ayat al-quran dalam juzuk ke-30. Satu senarai yang lengkap akan dihasilkan sebagai dapatan

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



kajian yang merangkumi perkataan asas atau perkataan asal kepada semua perkataan-perkataan yang mempunyai imbuhan tersebut beserta maknanya dalam bahasa Melayu. Hasil kajian mendapat, terdapat 74 kosa kata kauniyah dan Sebanyak 21 perkataan mengalami pengulangan sekurang-kurangnya 2 kali iaitu; manusia, bumi, langit, malam, api, gunung, air, makanan, mata air, pagi dhuha, keluarga, wajah, anggur, bintang yang cahaya bersinar, dada, individu, kubur, laut, matahari, sungai dan tanah. 4 perkataan yang mengalami 10 kali pengulangan dan lebih adalah manusia, bumi, langit dan malam. Secara umumnya, 4 perkataan ini sesuai menjadi kosa kata kunci asas kepada pengembangan kosa kata lain yang berkaitan.

Kata Kunci:

Kosa Kata, Kauniyah, Juzuk 30, Pelajar Permulaan, Sains

Abstract:

This study has the objective to list kauniyah vocabulary from juzuk 30 so that it can be utilized by book authors and readers especially children in learning early vocabulary which is mostly related to science, in accordance with the practice of surrounding observation. Based on the books that have been produced, no complete vocabulary list related to the initial vocabulary in the world of science according to the Quran has been produced to date. This study uses a qualitative method by analyzing the verses of the Quran from juzuk 30 by listing the vocabulary related to kauniyah. Each vocabulary found will be recorded in a table and written the frequency of the vocabulary. It will be written using Arabic words in the form of the original word without emphasis on morphological elements and will record it as a repetition if it is found to be repeated throughout the analysis. After that, the count will be made and will be recorded in the same table to see the frequency of vocabulary that appears through the analysis of the verses of the Qur'an in the 30th juzuk. A complete list will be generated as a study that includes basic words or word origin to all the words that have meaning and their remuneration in Malay. The results of the study found that there were 74 kauniyah vocabularies and a total of 21 words were repeated at least 2 times, namely; man, earth, sky, night, fire, mountain, water, food, spring, morning dhuha, family, face, wine, shining star, chest, individual, grave, sea, sun, river, and land. The 4 words that undergo 10 repetitions and more are human, earth, sky, and night. In general, these 4 words are suitable to be the basic vocabulary to the development of another related vocabulary.

Keywords:

Vocabulary, Kauniyah, Juzuk 30, Beginner, Science

Pengenalan

Ayat kauniyah dalam al Quran merupakan ayat yang berbicara tentang alam dan isinya (Viza, 2014). Terdapat kosa kata yang menunjukkan elemen alam seperti langit, matahari, pokok dan sebagainya yang kebanyakannya dapat dilihat dengan menggunakan mata dan dirasai dengan pancaindera yang lain. Pengetahuan seorang kanak-kanak berkaitan dengan elemen-elemen kauniyah ini telah dibentuk dalam sesi pembelajaran di rumah dan seterusnya di sekolah. Sumber rujukan utama dalam membina kefahaman peletakan kumpulan kosa kata

tertentu sebagai objek dalam dunia sains selalunya diperolehi melalui buku teks di sekolah. Bagi kanak-kanak yang beragama Islam, sedar atau tidak, penglibatan mereka dan pembelajaran al Quran yang selalunya berada di juzuk 30 boleh mengukuhkan lagi penguasaan kota kasa dan kefahaman mereka tentang elemen sains peringkat awal kerana al Quran adalah kitab yang penuh dengan fakta serta rahsia berkaitan sains dan teknologi (Husnel & Sariandi, 2013). Sebanyak 750 ayat kauniyah yang telah dikenalpasti wujud dalam al Quran yang menceritakan tentang ianya sebagai bukti kewujudan sains (SMA NEGERI 1 CIAWI TASIKMALAYA., 2020). Husnel dan Sariandi (2013) menjelaskan bagaimana al Quran melalui ayat ayatnya mengajak manusia untuk melakukan proses-proses pengamatan dan pengembangan ilmu yang sangat berkait dengan dunia sains dan kemajuan teknologi.

Permasalahan Kajian

Terdapat banyak buku-buku yang telah dihasilkan dalam bahasa Inggeris dan juga bahasa Melayu yang mengetengahkan kosa kata awalan dalam dunia sains untuk diajarkan dan diperkenalkan kepada kanak-kanak. Walau bagaimanapun tiada senarai kosa kata lengkap berkaitan dengan item awalan dalam dunia sains menurut al Quran dihasilkan sehingga kini. Apa yang didapati adalah ianya telah diterjemahkan kepada lukisan-lukisan. Pengkaji melihat sekiranya disediakan satu senarai kosa kata yang lengkap berkaitan dengan kosa kata ayat kauniyah ia akan memberikan gambaran yang sangat jelas bukan hanya kepada kanak-kanak tetapi kepada penghasilan buku-buku yang berbentuk ilmiah malah separa ilmiah tentang kosa kata yang perlu mereka ketengahkan kepada kanak-kanak yang wujud di dalam al Quran khususnya dalam juzuk 30. Kosa kata ini sebaiknya diperkenalkan menggunakan perkataan asal di dalam bahasa Arab dan juga diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu atau bahasa tempatan masing-masing. Ini boleh memberikan gambaran betapa mudahnya mereka untuk memahami perkataan-perkataan tersebut kerana inilah kosa kata yang merupakan maklumat awalan yang mereka telah perolehi secara informal berada dalam situasi pendidikan di rumah kerana ibu bapa kepada kanak-kanak ini sendiri akan mengajarkan perkataan-perkataan yang mudah dan ringkas seperti bulan, matahari, bintang, awan, hujan, binatang-binatang seperti kucing, arnab dan sebagainya yang boleh membentuk kosa kata kepada kanak-kanak ini. Sekiranya praktis seperti ini dijalankan, maka kanak-kanak yang belajar membaca al-quran dalam juzuk yang ke-30 akan merasakan sangat seronok apabila bertemu dengan perkataan-perkataan kauniyah tadi dan mengetahui bahawa wujudnya kosa kata kauniyah dalam surah-surah yang mereka bacakan.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk menghasilkan satu senarai menggunakan kaedah analisis ayat-ayat al Quran dalam juzuk 30 yang mana senarai ini adalah merupakan kosa kata yang berkaitan dengan perkataan kauniyah seterusnya mengenalpasti kekerapan pengulangan kosa kata tersebut dibuat untuk menunjukkan kepentingan perkataan tersebut kerana kaedah pengulangan adalah merupakan kaedah yang menunjukkan kepentingan tentang sesuatu perkara.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan kaedah analisis ayat-ayat al-quran dari juzuk 30 yang mencari perkataan perkataan atau kosa kata berkaitan dengan kauniyah. Setiap

kosa kata yang ditemui akan direkodkan di dalam jadual dan ditulis kekerapan kosa kata tersebut. Ianya akan ditulis menggunakan perkataan Arab dalam bentuk perkataan asal tanpa menitikberatkan kepada imbuhan dan akan merekodkannya sebagai ulangan sekiranya ia didapati berulang sepanjang analisis dijalankan. Setelah itu kiraan akan dibuat dan akan direkodkan dalam jadual yang sama bagi melihat kekerapan kosa kata yang muncul melalui analisis ayat-ayat al-quran dalam juzuk ke-30.

Satu senarai yang lengkap akan dihasilkan sebagai dapatan kajian yang merangkumi perkataan asas atau perkataan asal kepada semua perkataan-perkataan yang mempunyai imbuhan tersebut beserta maknanya dalam bahasa Melayu.

Tinjauan Literatur

Juzuk 30 merupakan juzuk yang sangat sinonim dengan anak-anak yang mula membaca al Quran kerana mempunyai ayat-ayat yang pendek dan perkataan-perkataan yang pendek dan mudah (Kementerian Dalam Negeri, 2012). Walaubagaimanapun, juzuk 30 ini merupakan juzuk yang menjadi rumusan kepada surah-surah dan juzuk-juzuk yang sebelumnya yang mempunyai banyak peringatan tentang hari kiamat serta ajakan dari Allah untuk manusia melihat keadaan alam semesta yang telah diciptakan seperti gunung ganang matahari, sungai, bulan, bintang serta langit yang tiada tiang. Begitu juga dengan haiwan haiwan yang telah diciptakan seperti unta, gajah dan juga manusia sendiri.

Kosa Kata Kauniyah Dan Hubungan Dengan Sains

Proses awal pembelajaran kanak-kanak sangat berkait rapat dengan pemerolehan kosa kata yang akan mendorong mereka untuk mempunyai kepekaan yang lebih dalam penggunaan kosa kata yang betul berbanding rakan-rakan yang lain (Goswami, 2001). Pemerolehan kosa kata yang banyak membolehkan mereka membaca dengan lebih kerap dan semakin menggandakan pemerolehan kosa kata (Ford-Connors, 2015). Justeru, kajian ini berpandangan bahawa, pengumpulan kosa kata ini adalah penting untuk membolehkan kanak-kanak yang dilihat sebagai kelompok pelajar peringkat permulaan mendapatkan lebih pengetahuan dan ianya dapat menggalakkan proses pembelajaran yang lebih aktif.

Dalam masa yang sama pula, sains menjadi satu elemen yang sangat berkait dengan pemerolehan pengetahuan dengan definisinya sebagai aktiviti intelektual dan praktikal merangkumi kajian sistematik struktur dan tingkah laku dunia fizikal dan semula jadi melalui pemerhatian dan eksperimen dan tidak berat sebelah (Britanica, 2021). Proses pembelajaran bagi manusia itu berlaku dalam berbagai peringkat umur. Bagi pembelajaran awal dalam dunia sains, My First 100 Science Words (Ferrie, 2020) yang dikarang untuk kanak-kanak berusia antara 2 ke 5 tahun meletakkan item-item seperti sungai, bumi, matahari, bulan sebagai antara kosa kata yang pertama dalam percetakan buku mereka. Crabtree publishing company telah mengeluarkan beberapa buku berkaitan dengan maklumat sains peringkat awal kepada kanak-kanak yang berkaitan dengan planet, tumbuhan, cuaca yang ditujukan untuk kanak-kanak berusia antara 6 hingga 12 tahun (Crabtree, 2021). Kepentingan penerapan sains dalam dunia kanak-kanak ini adalah bersesuaian dengan tahap perasaan ingin tahu mereka yang boleh dterapkan ketika mereka bermula dari bayi sehingga berumur 9 tahun. Antara langkah sembang sains dengan kanak-kanak yang boleh dilaksanakan adalah, apabila kita merancang sesuatu aktiviti dengan si kecil, rangka soalan-soalan yang

merangsang mereka berfikir dan mengarah kepada topik sains yang berkenaan, kemudian mulakan proses penerokaan yang menyeronokkan itu (Petrosains, 2016)

First Grade Science Words (Generated from Next Generation Science Standards)

vibrate	sound	transparent	translucent	opaque	reflective
light	investigate	solution	illuminate	cause/effect	parent
offspring	plants	animals	observation	evidence	roots
stems	leaves	flowers	fruits	patterns	sun
moon	starts	sky	set (sun sets)	seasons	Earth
solar system	universe	problem	solution		

Rajah 1: Senarai Kosa Kata Sains Gred Pertama

Softschool.com,2020

Rajah 1 menunjukkan antara kosa kata yang disenaraikan yang melibatkan item-item yang berada disekeliling kita dalam dunia sains untuk diperkenalkan kepada kanak-kanak di peringkat awal pembelajaran mereka yang terdiri dari bulan dan sistem solar, tumbuhan, daun, alam semesta, haiwan, bunga, langit, buah-buahan, matahari, cuaca, ibu bapa dan bumi. Kosa kata seperti ini adalah mudah untuk diperkenalkan kerana ianya boleh ditunjukkan dan dilihat dengan pancaindera (Soft School.com, 2020).

Penghasilan Sumber Rujukan Juzuk 30 untuk Kanak-Kanak

Ensiklopedia juz amma juga dilihat sebagai salah satu usaha untuk memberikan gambaran awal dalam mengajar anak-anak untuk mengenal al-quran dimana buku ini berkonsepkan gambar-gambar cerita-cerita warna-warna yang menarik dan antara gambar-gambar yang dipaparkan adalah gambar-gambar seperti awan, gunung, pokok dan sebagainya (Aminah, 2013). Ini mencerminkan bahawa juzuk 30 ini adalah sangat sinonim dengan kanak-kanak yang merupakan kelompok terbesar dalam mempelajari al Quran di peringkat permulaan. Selain itu terdapat buku yang lain iaitu juzuk Amma yang di iklankan sebagai muqaddam juzuk Amma al Quran pertama anak anda (Mahyudin, 2020) yang menjadi salah satu bukti bahawa Juzuk 30 ini adalah juzuk yang paling dekat dengan anak-anak sebagai peringkat awal dalam membaca al Quran. Buku ini juga dicetak berwarna untuk menarik minat para pembaca membaca al Quran dan mendapatkan manfaat dari buku ini.

Dalam kategori buku bahasa Inggeris, terdapat beberapa buku juga telah dihasilkan berkaitan dengan juzuk Amma untuk kanak-kanak seperti Juz Amma for kids (Tim Pustaka al Usrah, 2020). Selain itu buku Juz Amma your first Quran Riding Experience (Zaheer, 2019) juga telah dihasilkan dengan mengintegrasikan permainan dalam memberikan keyakinan dan merasa seronok ketika proses pembelajaran berlaku. Ianya bertujuan untuk meningkatkan kadar kebolehbacaan dan hafalan dengan melihat kepada markah dan kemenangan dari permainan dan di buku ini ianya turut disertakan dengan pen yang boleh bersuara yang membolehkan anak-anak mendengar mengulang dan juga mahir setiap surah dalam Juz Amma. Turut dihasilkan adalah buku yang bertajuk the Holy Qur'an for kids juz amma a textbook for school children (Yahiya, 2011) ianya menggunakan konsep terjemahan ringkas

dari teks bahasa Arab ke bahasa Inggeris yang menekankan tentang makna transliterasi pengenalan kepada tajuk grafik dan juga aktiviti.

Juzuk 30 Berbentuk Audio Visual

Bukan hanya buku yang dihasilkan untuk menarik minat kanak-kanak membaca al-quran yang bermula dengan juzuk Ammar Walaupun juzuk ini adalah juzuk terakhir dari al-quran terdapat juga video-video yang dihasilkan di YouTube yang menggunakan ilustrasi-ilustrasi serta animasi yang berwarna-warni dan mempunyai karakter karakter yang sinonim dengan kanak-kanak seperti kucing arnab kereta api taman bunga (Noor Learning, 2020) malah penggunaan karakter-karakter animasi yang terkenal Seperti pocoyo juga digunakan (Quran for kids, 2018)

Kajian Lepas

Banyak kajian lepas melihat konteks kosa kata dalam bentuk menerangkan konteks yang ada dalam kosa kata tersebut dan konsep ini tidak menepati konsep yang ingin diketengahkan oleh kajian ini. Walaupun begitu pengkaji telah mendapati sebuah kajian lepas yang bertajuk Analisis Kosakata Hari Akhirat dalam Alquran; Kajian Morfologi dan Semantik yang ditulis oleh Irmamutiah . Kajian ini igin: 1) mengemukakan bentuk-bentuk kosakata hari Akhirat dalam Alquran, 2) mendeskripsikan dan menganalisis morfologi kosakata hari Akhirat dalam Alquran, dan 3) menganalisis semantik kosakata hari Akhirat dalam Alquran. Dalam menjawab permasalahan tersebut, penulis menggunakan pendekatan morfologi, pendekatan ini digunakan untuk mengetahui selok belok konstruksi kata atau pembentukan kata khususnya kosakata hari akhirat. Pendekatan semantik digunakan untuk menggali makna yang terkandung dari kosakata al Quran. Untuk kajian ini, data dikumpulkan dengan mengutip, dan menganalisis dengan menggunakan analisis isi (content analysis). Dapatkan kajian ini menyatakan bahawa Kosakata Hari Akhirat menunjukkan implikasi berupa pemahaman yang lebih mendalam dalam aspek morfologi dan semantik serta dapat memahami makna kosakata hari akhirat lebih detail dengan menunjukkan bahawa banyaknya kandungan yang terdapat dan peristiwa yang terjadi pada hari tersebut.

Dapatan Kajian

Sebanyak 183 kosa kata kauniyah telah direkodkan melalui analisis yang telah dijalankan oleh pengkaji dan telah dikumpulkan mengikut kekerapan pengulangan seperti dalam jadual 1.

Jadual 1: Senarai Analisis Kosa Kata Juzuk 30

Bil	Kosa kata	Kekerapan	Maksud
1	إنس	14	manusia
2	أرض	12	bumi
3	سماء	12	langit
4	ليل	12	malam
5	نار	9	api
6	جبل	6	gunung

7	ماء	4	air
8	طعام	4	makanan
9	عين	4	mata air
10	ضحى	4	pagi dhuha
11	أهل	3	keluarga
12	وجه	3	wajah
13	عنب	2	anggur
14	طارق	2	bintang yang cahanya bersinar
15	صدر	2	dada
16	مرء	2	individu
17	قبر	2	kubur
18	بحر	2	laut
19	شمس	2	matahari
20	نهر	2	sungai
21	تراب	2	tanah
22	عالم	1	alam
23	أب	1	ayah
24	صخر	1	batu
25	ظهر	1	belakang
26	شفتين	1	bibir
27	بروج	1	bintang gugusan
28	نجم	1	bintang
29	خنس	1	bintang tenggelam timbul cahaya
30	فاكهة	1	buah
31	قمر	1	bulan
32	طير	1	burung
33	شقق	1	cahaya merah senja
34	عصف	1	daun kering
35	غبرة	1	debu
36	نقعا	1	debu berterangan
37	بد	1	tangan

38	دنيا	1	dunia
39	فیل	1	gajah
40	مرعی	1	haiwan ternakan
41	أنعام	1	haiwan ternakan
42	أم	1	ibu
43	حطب	1	kayu api
44	فراش	1	kumpulan serangga seperti kelkattu
45	موريات	1	kuda yang berlari laju sehingga keluar percikan api geseran dari kuku
46	عادیات	1	kuda yang berlari laju sehingga termengah
47	مغیرات	1	kuda yang menyerang waktu subuh
48	ذكر	1	lelaki
49	لسان	1	lidah
50	عشية	1	hujung petang, awal malam
51	عصر	1	masa
52	عينين	1	mata
53	صيف	1	musim panas
54	شتاء	1	musim sejuk
55	صبح	1	pagi
56	فجر	1	pagi fajar
57	نخل	1	palma
58	أُنثى	1	perempuan
59	كوكب	1	planet
60	ضریع	1	pokok berduri
61	أب	1	rumput
62	أخ	1	saudara
63	کوثر	1	telaga kauthar
64	مرعی	1	ternakan
65	تین	1	tin
66	عظم	1	tulang
67	نبات	1	tumbuhan

68	أَحْوَى	1	tumbuhan kering
69	غَنَاء	1	tumbuhan segar hijau
70	أَفْقَ	1	ufuq
71	إِبْلٍ	1	unta
72	عَشَارٌ	1	unta yang bunting 10 bulan
73	يَتِيمًا	1	yatim
74	زَيْتونٌ	1	zaitun

Hasil dari penyusunan semula semua kosa kata tersebut, kajian ini mendapati terdapat 74 kosa kata yang ada dalam juzuk 30. Sebanyak 21 perkataan mengalami pengulangan sekurang-kurangnya 2 kali iaitu; manusia, bumi, langit, malam, api, gunung, air, makanan, mata air, pagi dhuha, keluarga, wajah, anggur, bintang yang cahanya bersinar, dada, individu, kubur, laut, matahari, sungai dan tanah.

4 perkataan yang mengalami 10 kali pengulangan dan lebih adalah manusia, bumi, langit dan malam. Oleh kerana pemerhatian dalam dunia sains ini dominannya menggunakan mata, maka ianya tidak menjadi masalah kepada proses melihat objek pada waktu siang atau yang mempunyai bantuan cahaya dalam kegelapan. Namun begitu, pengkaji merasa tertarik dengan keberadaan kosa kata malam yang semestinya sukar untuk dibuat pemerhatian kerana kegelapannya namun disebutkan secara berulang melebihi 10 kali kerana kepentingan melihat objek-objek yang berkaitan khususnya yang menjadi panduan perjalanan seperti gugusan bintang sebagaimana kita lihat sendiri wujudnya cabang ilmu kaji bintang.

Jika diperhatikan, kesemua perkataan ini boleh menjadi perkataan yang berbentuk asas dan boleh diperincikan lagi dengan perkataan-perkataan lain. Antara contoh perkataan-perkataan yang boleh dikaitkan kepada 4 perkataan ini ialah:

Manusia = ibu, ayah, saudara, yatim

Bumi = rumput, gunung

Langit = planet, air, matahari

Malam = bintang, bulan

Justeru, 4 perkataan yang mengalami pengulangan ini boleh bertindak seperti pencetus kepada pengetahuan baru yang berkaitan. Penemuan ini adalah berkaitan secara tidak langsung dengan (Ford-Connors, 2015) yang melihat pemerolehan kosa kata yang banyak membolehkan kanak-kanak membaca dengan lebih kerap dan semakin menggandakan pemerolehan kosa kata. Ini bermakna, dengan wujud pengetahuan kepada 4 perkataan ini, ianya boleh dikembangkan lagi dengan memperincikan jenis-jenisnya. Apa yang menarik, juzuk 30 ini telah mengandungi perincian-perincian bagi setiap 4 kategori perkataan tersebut dan sekaligus menjadikan ianya sangat sesuai untuk dibaca oleh kanak-kanak.

Dapatan lain bagi kajian ini ialah, wujudnya perincian kepada satu perkataan yang memberi perbezaan dengan terperinci. Ini sedikit berbeza apa yang diketengahkan oleh silibus atau

kandungan buku-buku sains yang dihasilkan untuk kanak-kanak seperti Softschool.com (2020). Antara contoh perkataan kauniyah yang boleh dilihat adalah pada perkataan bintang yang memberi perbezaan wujudnya bintang yang berbahaya terang, yang berbentuk gugusan dan juga tenggelam timbul cahayanya. Contoh kedua boleh dilihat pada tiga jenis kuda iaitu kuda yang berlari laju sehingga keluar percikan api geseran dari kuku, kuda yang berlari laju sehingga termengah dan kuda yang menyerang waktu subuh. Contoh yang ketiga pula adalah pada perbezaan maksud pagi yang membawa makna pagi, fajar dan dhuha yang mempunyai perbezaan waktunya. Ini menunjukkan al Quran mementingkan perincian sesuatu perkara walaupun dengan kadar yang sedikit.

Penutup

Sebagai muslim yang mengamalkan pembelajaran membaca al Quran khususnya di peringkat awal yang melibatkan juzuk 30, adalah sangat rugi sekiranya kita tidak mengambil pendekatan yang disediakan oleh al Quran dalam memberi pengetahuan yang bersesuaian dengan peringkat umur dan tahap pengetahuan lepas. Dalam dunia sains, kita mungkin melihat ianya adalah realiti kerana ianya diajar secara formal dan meluas di sekolah sekolah. Walaubagaimanapun kajian ini telah mendapati hebatnya al Quran yang menyediakan 4 perkataan paling penting yang meliputi hampir keseluruhan aspek sains. Dari 4 perkataan ini, ianya boleh berkembang mengikut tahap yang bersesuaian dan ia membolehkan perkembangan ilmu tercetus.

Penyenaraian kosa kata kauniyah yang terhasil seperti dalam jadual 1 di atas, memperlihatkan kepada kita, ianya bukan sekadar perkataan semata-mata namun telah disusun dan dikelompokkan dalam lingkungan perkataan yang sangat berkait rapat antara satu dengan lainnya malah melatih kanak-kanak untuk membuat pemerhatian yang lebih mendalam dan terperinci dengan wujudnya perbezaan-perbezaan kecil dalam satu-satu perkataan namun besar maknanya.

Sekiranya kosa kata kauniyah seperti ini yang didahulukan dalam pengajaran sains dalam masyarakat kita, pengkaji melihat potensi untuk kanak-kanak ini berkembang ilmunya jauh lebih ke hadapan berbanding hanya melihat sains seperti yang kita ada sekarang. Walaubagaimanapun ianya kekal menjadi harapan sekiranya tiada pihak yang mempromosikannya.

Rujukan

Al Quran

Al Ma'ani. (2021). *Ta'rif wa ma'na al dhuha fi mu'jam al ma'ani al jami' mu'jam arabiyy arabiyy*. <https://rb.gy/c79dvm>

Aminah, M. (2020) *Ensiklopedia juz amma :Al-Quran Kitabku*. Hulu Selangor : Darul Mughni Trading

Britannica, T. Editors of Encyclopaedia (2020). *Science*. Encyclopedia Britannica. <https://www.britannica.com/science/science>

Celik Tafsir. (2020). *Senarai Surah*. <https://celiktafsir.net/>

Crabtree. (2020). *My First Science Words* <https://www.crabtreebooks.com/products/by-subject/early-readers-titles/my-first-science-words>

Ferrie, C., & Dale-Scott, L. (2020). *My First 100 Science Words*. Sourcebooks Inc. US.

- Ford-Connors, E.; Paratore, J.R. (2015) Vocabulary Instruction in Fifth Grade and Beyond: *Sources of Word Learning and Productive Contexts for Development*. Rev. Educ. Res., 85, 50–91.
- Goswami, U. (2001). Early phonological development and the acquisition of literacy. In *Handbook of Early Literacy Research*; Guilford Press: New York, NY, USA. Volume 1, pp. 111–125.
- Irmamutiah. (2019). Analisis Kosakata Hari Akhirat dalam Alquran Kajian Morfologi dan Semantik. *Diwan Jurnal Bahasa dan Sastera Arab*. <http://journal.uin-alauddin.ac.id/index.php/diwan/article/view/9221> Vol 5, No 1 53-64
- Kementerian Dalam Negeri. (2012). Panduan Rasm Uthmani Rasm Bab 5. https://www.moha.gov.my/images/maklumat_bahagian/PQ/Panduan_Rasm_Bab5.pdf
- Mahyudin A. (2020). *Muqaddam Juzuk Amma*. Mashi Publications.
- Noor Learniing. (2020). *Quran for Kids / Juz Amma / Learn Short Surahs for Children with Animation*. <https://www.youtube.com/watch?v=cdfQjJFn-TU>
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2019). *Al-Kafi #1255: Waktu Sebenar Solat Sunat Isyraq (Edisi Kemaskini)*. <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3384-al-kafi-1255-waktu-sebenar-solat-sunat-isyraq-edisi-kemaskini>
- Petrosains. (2016). *Sains Awal Kanak-Kanak*. <https://petrosains.com.my/wonderblog/sains-awal-kanak-kanak/>
- Quran for kids. (2018). *Quran For Kids - Juz 'Amma (30) Pocoyo*. <https://www.youtube.com/watch?v=AtzNd1et9T0>
- Sma Negeri 1 Ciawi Tasikmalaya. (2020). *750 Ayat tentang Alam Semesta, Bukti Sains Ada di Alquran*. <http://www.sman1ciawitasikmalaya.sch.id/read/6/750-ayat-tentang-alam-semesta-bukti-sains-ada-di-alquran>
- Sofschool.com. (2020). *First Grade Science Words*. https://www.softschools.com/grades/1st_grade/reading/first_grade_science_words/
- Tim Pustaka al Usrah. (2020). *Juz Amma for Kids*. Pustaka al Usrah.
- Viza Ulfa Rina (2014) *Penafsiran Al - Maraghi Terhadap Ayat - Ayat Kauniyah Dan Relevansinya Dengan Sains*. Skripsi thesis, Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau.
- Yahiya E. (2011). *The Meaning of the Holy Qur'an for Kids: A Textbook for School Children - Juz 'Amma*. Createspace Independent Pub.
- Zaheer K. (2019). *Juz Amma: Your First Quran Reading Experience*. Learning Roots.